

Andalusia Travel tawar diskaun umrah RM500

Reruai agensi di Matta Fair kongsi maklumat pakej menarik

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Buat julung kalinya Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd (Andalusia Travel) menyediakan diskaun sehingga RM500 bagi pakej umrah premium kepada pengunjung Matta Fair September serta menerusi 47 cawangannya.

Ahli Lembaga Pemasaran dan Jualan Andalusia Travel, Izzati Ibrahim, berkata ia antara tarikan baharu di reruai Andalusia Travel sempena Matta Fair September yang berlangsung tiga hari berakhir esok.

Katanya, beberapa diskaun turut disediakan pihaknya mengi-



Petugas bersama pengunjung MATTa Fair di reruai Andalusia Travel, di MITEC, semalam.

(Foto Amirudin Sahib/BH)

kut pakej tertentu.

“Kami sediakan diskaun RM100, RM200 dan RM500. Bagi pakej premium diskaun adalah RM500 manakala pakej ekonomi RM100.

“Diskaun ini juga terpakai untuk pakej umrah yang tarikhnya jatuh pada cuti persekolahan, ada jumlah tertentu yang akan kami tawarkan kepada bakal jemaah,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di reruainya di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), semalam.

Kunjungi 47 cawangan

Menyentuh tawaran diskaun di 47 cawangan miliknya, Izzati berkata, ia memberi peluang kepada mereka yang mempunyai kekangan masa serta menetap jauh dari ibu kota untuk mendapatkan pakej umrah berkenaan.

“Sesiapa yang mempunyai ke- kangan masa atau jauh iaitu dari Kelantan mahupun utara, boleh daftar di cawangan berdekatan untuk dapatkan diskaun yang sama

“Bagi pengunjung bertuah ke reruai, mereka berpeluang mendapat pakej umrah percuma ditaja sepenuhnya Andalusia Travel”

Izzati Ibrahim,
Ahli Lembaga
Pemasaran dan
Jualan Andalusia
Travel



di reruai Matta Fair,” katanya.

Selain itu, bagi pengunjung bertuah ke reruainya, mereka berpeluang mendapat pakej umrah percuma ditaja sepenuhnya Andalusia Travel.

“Sesiapa yang inginkan umrah percuma kena datang ke Matta Fair untuk isi pangkalan data yang ada bagi melayakkan mereka untuk mendapat umrah percuma tajaan 100 peratus daripada pihak kami,” katanya.

Mengenai sasaran pihaknya sempena penganjuran Matta Fair, Izzati berharap Andalusia Travel menerima 5,000 bakal jemaah umrah berdaftar untuk semua pakej ditawarkan pihaknya.